

BERITA HARIAN

Oleh TAN SRI SHEIKH ABDULLAH

Nasihat ikhlas Dr. M. kepada golongan muda Melayu

"MAHATHIR kepada golongan muda Melayu Buktikan Kita Rajin dan Berani," kata sebuah kepala di Utusan Zaman Mac 16, 1982. Berita berkenaan yang berpucah dari Skudai berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mencabar golongan muda Melayu supaya membuktikan kepada bangsa-bangsa lain bahawa mereka, bukan pengecut dan sanggup berkorban sebagai satu bangsa yang dihormati kerana keberaniannya menghadapi cabaran hidup.

Perdana Menteri juga mahukan mereka membuktikan bahawa sebagai orang-orang Islam mereka sanggup bekerja kuat dan layak untuk berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang lain.

Recepap merasikkan Kem Latihan Kemahiran (KEMENA), berti mengisahkan kaum Bumiputra terutama sekali orang-orang Melayu tidak harus bersikap seperti pengecut dengan menghadapi cabaran atau saingan dengan orang-orang lain.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau mahukan bangsa Melayu dihormati sebagai satu bangsa yang cekal dan berani menepuh segala cabaran hidup dan bukannya bangsa yang pemalas seperti mana yang disifatkan dalam "Encyclopaedia Britannica".

Tambah Perdana Menteri, untuk menjadi satu bangsa yang dihormati dan yang disegani katanya, pemuda-pemudi Melayu hendaklah mempunyai nilai disiplin yang tinggi untuk menjadikan diri mereka sebagai bangsa yang cekap dan sentiasa dihormati oleh semua pihak.

Datuk Seri Dr. Mahathir kesal kerana sanggup disiplin diri adalah satu-satunya yang dituntut oleh Islam tapi nampaknya, golongan bukan Islam adalah lebih berdisiplin dari umat Islam sendiri.

Beliau mengisahkan, golongan muda Melayu tidak boleh gagal dalam usaha menjadikan bangsa mereka satu bangsa yang dihormati dan mereka hendaklah bersedia mengorbankan berbagai bentuk kesenangan hidup untuk mencapai matlamat ini.

Perdana Menteri mengisahkan, berkorban bermakna kesanggupan untuk membuat sesuatu yang susah yang hanya belum tentu dicapai dalam masa yang singkat.

Kalanya, pengorbanan adalah satu-satunya yang tidak boleh dijaualkan dan balasanannya juga tidak

semestinya diperolehi di dunia semasa-masa.

Komen Penulis:

Wah! Kerana sabjek mengenai disiplin kerap sangat diulangi di dalam masa ini, maka dengan itu penulis akan membuat ulasan terhadap ucapan Perdana Menteri itu hanya dari segi "pengorbanan" dan "kerajinan" (atau, iawanya kemalasan)...

Sejarah dunia menunjukkan senyatanya-tanya bahawa sesebuah negara (sama ada di timur atau di barat) — bagaimana kaya-raya sekalipun — tidak boleh berharap untuk menjadi "great" dan dihormati dunia, jika rakyatnya tidak sanggup berkorban dalam eritika yang sebenarnya. Dalam bahasa lain, jika mereka "great" dan dihormati dunia, maka mereka bererti "menganggap bahawa pengorbanan cuma pengorbanan" yang membawa bukan kemuliaan peluh dan darah sendiri, tapi tilam peluh dan darah di pihak kawan dan jiran sesama-mata!

Mengenal kerajinan dalam konteks rajin bekerja (iawannya, malas bekerja) sesebuah negara, dari segi ekonomi dan juga dari segi kejayaan dan kemajuan dibidang keekonomian perindustrian — jika rakyat negara berkenaan sudah mula berperang malas (bekerja); dan sebaliknya menumpuk terlalu lebih mik kesenangan hidup sendiri daripada kepentingan ekonomi dan kemakmuran negara pada keseluruhannya. (Nota: Tidaklah perlu bagi penulis mengulangi sejarah negara tertentu kepada contoh dalam konteks ini).

Catitan Khas:

Mengenal sabjek "kemalasan" (satu sabjek yang dianggap paling "sensitif" dalam konteks terlalu banyak orang di dunia ini yang kurang sama "dipanggil malas" — N.S.T. Mac 12 meredakan, Mark Thatcher, anak kepada Perdana Menteri Britiah, Margaret Thatcher, mendapat dirinya "in hot water" (dalam air panas) setelah dia menyentuh secara berani dan terbuka perkara yang paling "sensitif" ini... Katanya, tidak ada gunanya bagi orang-orang British meratap bahawa ekonomi negara mereka sudah mula merosot.

Tambah Mark dalam bahasannya sendiri, "if you sit on your big arse and say 'it's no good, we've been hit by the recession, then it's a self-fulfilling prophecy.'" Maksud: "Jika tanpa mengemuka kata pengantar berat anda, anda meratap, 'keadaan adalah tidak baik kerana kita telah dipukul oleh recession, maka ratapan seperti ini cuma berupa ramalan rekaman sendiri.'"

Sebaliknya, Mark Thatcher mendakwa bahawa bukanlah satu perkara mudah untuk bersejuahtera di dunia ini. Beliau berkata, "jika sahaja orang-orang British

berseada (mengangkat punggung berat dan cuba menyalakan kadar kerja yang diperlukan sambil mempunyai komitmen untuk berjaya"... Komen secara berterus terang ini telah menimbulkan kemarahan di pihak seorang lelaki kurang begini: "Komen dari seorang 'big boy' itu telah menghinia 3 juta orang British yang menganggur... keadaan disebabkan oleh 'ibu-nyanya sendiri.'" (Penulis memberi "Salute" lah-lah kepada Mark Thatcher — kerana penulis adalah sentiasa menghormati, tanpa mengira negara, meskipun mereka itu menyedari bahawa sabjek yang mereka hendakkan yang menalakkan darah orang dari golongan yang tidak bersedia menghadapi kenyataan dan kebenaran). ☆☆☆

Ekor Ruangan:

Polis telah dipanggil untuk memulihkan keadaan setelah murid-murid belasan tahun, di bandar Biford di barat-tengah England, "mengamuk", Jumaat lalu, bila mereka itu dikurung di satu bahagian sekolah sementara menunggu mereka melancarkan mogok "guru-guru" (kerja perlawanan-lahan) — bertukar-tukar mereka untuk mendapatkan gaji lebih.

Kata para pemerhati, lebih kurang 300 murid telah "menyerang" kompleks persekolahan itu dengan memecahkan termua-termua tingkap dan membalung telur kepada guru-guru mereka. Murid yang terlibat dalam rusuhan yang berlangsung selama 35 minit itu.

Seorang juruucap polis berkata, bahawa kemusnahan besar telah berlaku ke atas bangunan sekolah berkenaan. Kekacauan meluas menyalak murid-murid di waktu "lunch break" (makan tengah hari), kerana menunjuk perasaan atau menyokong tuntutan para guru yang telah dikemukakan kepada "arbitration".

Di bandar Bampton, lalu Portsmouth pula, pegawai-penghapiran, lalu Portsmouth lebih kurang 200 murid-murid telah menjerit bantah tindakan guru mereka, yang mengun-duk mereka di dalam sekolah di waktu "lunch break"... (Dipetik dari New Sunday Times Mach 14, 1982, dalam bahasa tajuk, "Rampage by pupils over 'go-slow' by teachers".)

Catitan Khas:

Elokah sangat — para guru berdemostrasi, murid-murid merusuh... Moral dari berita (dari England) ini bolehlah diringkaskan begini, secara meringkas: "Bahkan sabjek bangsa orang kita Melayu: "Guru kencing berdiri, anak murid kencing berlari..."

☆☆☆